

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG  
WEI SHIEN [JULAU]**

**SOALAN**

**TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU]** minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah unjuran Kerajaan mengenai kadar produktiviti negara pada tahun ini dan tahun hadapan serta apakah langkah-langkah yang dilaksanakan untuk menangani isu kemerosotan kemahiran atau '*skills atrophy*' yang berlaku kerana peningkatan pengangguran akibat pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Seperti sedia maklum, tahun 2020 adalah mencabar dan diunjurkan produktiviti mengalami penguncupan diantara -2.8 peratus ke -3.8 peratus sejajar dengan unjuran penurunan -3.5 peratus ke -4.5 peratus dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Pada tahun 2021, dengan andaian pemulihan ekonomi daripada kesan pandemik COVID-19, produktiviti diunjurkan meningkat sebanyak 3.1 peratus ke 4.1 peratus dan menyumbang kepada pertumbuhan KDNK sebanyak 6.5 peratus hingga 7.5 peratus.

2. Pada suku tahun ketiga 2020, KDNK menyusut dengan kadar yang perlahan, iaitu 2.7 peratus berbanding -17.1 peratus pada suku tahun kedua 2020. Produktiviti buruh Malaysia yang diukur sebagai nilai ditambah per jam bekerja meningkat secara marginal sebanyak 0.1 peratus kepada RM41 sejam pada suku tahunan ketiga 2020 berbanding suku tahunan yang sama tahun 2019 dan nilai ditambah bagi setiap pekerja ialah RM23,248 per pekerja. Pelaksanaan keputusan melanjutkan tempoh waktu operasi perniagaan menyebabkan kenaikan jumlah jam bekerja daripada -28.2 peratus ke -2.7 peratus iaitu 8.5 bilion jam. Produktiviti buruh yang diukur dari segi nilai ditambah per pekerja merekodkan kadar peningkatan yang kecil, iaitu -2.2 peratus berbanding -16.0 peratus pada suku tahunan kedua 2020. Manakala, jumlah pekerja meningkat sebanyak 0.9 peratus iaitu 15.1 juta pekerja berbanding 14.9 juta pekerja, pada suku tahunan kedua 2020.

3. Salah satu kesan penularan pandemik COVID-19 adalah kehilangan pekerjaan yang membawa kepada kemerosotan kemahiran atau '*skills atrophy*' dan pengangguran jika berlarutan. Oleh itu, keperluan untuk '*reskilling*' dan '*upskilling*' dengan mempelajari serta meningkatkan kemahiran dan kompetensi baharu dapat mengurangkan '*skills atrophy*' di samping mewujudkan tenaga buruh yang kompeten dan kebolehpasaran (*employable workforce*).

4. Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif pembangunan modal insan melalui *Malaysia Productivity Corporation* (MPC), sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Antara program dan aktiviti yang dilaksanakan MPC adalah Program PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara), Nexus Produktiviti, PEMUDAH (Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan) dan inisiatif Amalan Baik Peraturan atau *Good Regulatory Practices* (GRP). Inisiatif-inisiatif yang dijalankan ini telah memberi faedah langsung dan tidak langsung kepada sektor ekonomi.

5. Pakej PENJANA adalah inisiatif yang dijalankan oleh kerajaan bagi memulihkan ekonomi dalam jangka pendek. Sebagai menyokong pelan PENJANA, MPC memperkenalkan Program Produktiviti Perniagaan atau *Business Productivity Programme* (BPP) yang memberi faedah langsung kepada sektor ekonomi. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kelangsungan syarikat-syarikat perniagaan menghadapi kesan akibat wabak COVID-19. MPC akan membimbing syarikat perniagaan mengenalpasti permasalahan dan isu-isu perniagaan serta mencari jalan mengatasinya. Bagi menjayakan program ini juga, MPC menjalin kerjasama dengan penyedia latihan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pekerja dalam bidang yang membolehkan mereka mendapat pekerjaan atau menawarkan khidmat profesional. Contohnya, MPC menjalinkan kerjasama dengan *Architect Centre Sdn. Bhd* (ACSB) bagi melatih penyedia perkhidmatan profesional. Kumpulan penyedia perkhidmatan profesional yang menjalani latihan meningkatkan kemahiran (*Upskilling*) akan berpeluang mendapatkan pekerjaan dalam perkhidmatan pemeriksaan bangunan di dalam dan luar negara. Program ini mensasarkan kumpulan jurutera, arkitek, juruteknik dan kumpulan profesional lain dalam industri pembinaan yang kehilangan pekerjaan atau terjejas pendapatan akibat COVID-19. Sekurang-kurangnya seramai 400 peserta yang berpotensi akan mengikuti modul dan bimbingan khusus dan akan dijalankan oleh pakar-pakar dalam bidang berkaitan. Sekiranya kumpulan pertama yang dilatih ini mencapai objektifnya, program ini akan diteruskan untuk membantu lebih ramai lagi penyedia perkhidmatan yang terjejas.

6. MPC juga memperkenalkan Klinik Penasihat Maya Perniagaan (*Business Virtual Advisory*, B-VAC) dengan fokus kepada sembilan (9) subsektor keutamaan (Pelancongan, Peruncitan dan Makanan dan Minuman, Perkhidmatan Profesional, Mesin dan Peralatan, Agro Makanan). Nexus Produktiviti lain ialah Kimia dan Produk Kimia, Penjagaan Kesihatan Swasta, Elektrikal dan Elektronik dan Digital).

7. Platform ini memberi faedah secara langsung kepada ekonomi dengan mengenalpasti jenis-jenis permasalahan yang dihadapi oleh syarikat-syarikat perniagaan. Antara Januari hingga Oktober 2020, sebanyak 804 program telah dijalankan melibatkan 32,216 orang peserta. Ia melibatkan bengkel, perbincangan dan persidangan. Seterusnya ada antara syarikat-syarikat ini mengikuti klinik perniagaan secara maya, khidmat mentor dan latihan. Malah, program koordinasi juga dijalankan dengan mempertemukan syarikat-syarikat ini dengan pihak institusi kewangan dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dengan permasalahan mereka. Program-program yang dijalankan ini dapat membantu syarikat membangunkan semula perniagaan mereka, mengekalkan daya saing dan kekal dalam industri. Ia secara tidak langsung mengurangkan bilangan syarikat yang ditutup dan mengurangkan jumlah pengangguran.

8. Selain itu, turut dirangka program bagi membantu memperbaharui kemahiran atau '*reskilling*' pekerja melalui program jangka pendek dan panjang seperti Digital STARS, SIAP (*Structured Industry Apprenticeship Program*) dan IndSF (*Industrial Skills Framework*). Program-program ini dirangka oleh beberapa organisasi dan agensi yang berkaitan termasuk Nexus Produktiviti yang dipandu oleh sektor swasta yang turut memberi kesan langsung kepada ekonomi.

9. Program Digital STARS adalah projek kerjasama antara Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dan MPC melalui Nexus Produktiviti Digital. Kerjasama ini membolehkan pelajar, graduan dan pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti mengikuti program-program yang bersesuaian anjuran MPC. Program ini membuka peluang kepada industri dalam perkongsian kepakaran dan perundingan latihan terutamanya bagi keperluan pelajar bidang yang berkaitan. Ia juga menyediakan peluang untuk pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti menjalani latihan industri/*Structured Internship Programme/Work-Based Learning* bagi melahirkan graduan yang kompeten dan memenuhi keperluan industri serta memudahcara peluang latihan di industri serta pendedahan teknologi terkini kepada pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti.

10. Program *Digital STARS-Internships* pula telah dilancarkan pada Oktober 2020. Sebagai permulaan, seramai 50 orang pelajar politeknik lulusan Kejuruteraan Komputer dan Teknologi Maklumat akan dipadankan untuk mendapat tempat latihan industri di seluruh Malaysia bermula Januari 2021.

11. Sementara itu, Program SIAP adalah inisiatif yang dipelopori oleh Nexus Produktiviti Elektrikal dan Elektronik yang mewakili industri dengan kerjasama Jabatan Kecemerlangan Akademik, Kementerian Pendidikan Tinggi dan universiti-universiti awam serta disokong oleh agensi-agensi kerajaan seperti MITI, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, *Collaborative Research in Engineering, Science and Technology Centre*, MIMOS dan MPC. Sebanyak enam modul akan dimasukkan ke dalam kurikulum pelajaran universiti berdasarkan keperluan industri yang merupakan program peningkatan dan penyisipan kurikulum universiti dalam bidang Reka Bentuk dan Pembangunan Litar Bersepadu (*IC design*).

12. Program yang diperkenalkan pada tahun 2019 ini adalah hasil tinjauan dan soal selidik yang dijalankan di 25 syarikat elektrikal dan elektronik ternama di Malaysia. Tinjauan ini mendapati bahawa lebih 5,000 orang graduan dan jurutera diperlukan untuk bekerja dalam bidang Reka Bentuk dan Pembangunan Litar Bersepadu dalam tempoh lima (5) hingga tujuh (7) tahun yang akan datang. Tujuh (7) universiti pelopor yang akan menawar dan melaksanakan program SIAP ini adalah Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaysia Perlis, Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi MARA, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

13. Program IndSF dirangka oleh Nexus Produktiviti Jentera dan Peralatan dengan kerjasama syarikat Pembangunan Sumber Manusia Berhad dan Gabungan Pengusaha Mesin dan Industri Kejuruteraan (*Machinery & Engineering Industries Federation, MEIF*). IndSF dibangunkan khusus untuk sektor jentera dan peralatan. IndSF yang merangkumi 32 bidang pekerjaan dan 138 tajuk pekerjaan bakal menjadi rujukan umum untuk kemahiran dan kecekapan yang diperlukan oleh industri.

14. Tujuan IndSF dirangka adalah untuk membantu pekerja di dalam membuat pilihan yang tepat ke atas pembangunan kemahiran mereka; membolehkan majikan mengenalpasti kemahiran yang bersesuaian untuk latihan pekerja; dan memudahkan pembekal latihan membangunkan program bersesuaian dengan kehendak industri.

15. Program ini dibangunkan dengan kerjasama tujuh institusi Teknikal dan Pendidikan Vokasional (TVET) yang menjadi rakan strategik Nexus Produktiviti bagi Jentera dan Peralatan dan MEIF iaitu Pusat Pembangunan Kemahiran Industri dan Pengurusan Kedah, Pusat Pembangunan Tenaga Manusia Selangor, Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri Sembilan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Institut Latihan Belia Pedas, Universiti Kuala Lumpur *Malaysia France Institute* dan *German-Malaysian Institute*. Modul latihan yang dibentuk khusus untuk graduan peringkat diploma ke atas. Program ini bertujuan menyediakan graduan yang berkemahiran dan berpengetahuan berkaitan produktiviti supaya mereka berfikiran lebih kritis dan bersedia bila menempuh alam pekerjaan.

16. Nexus Produktiviti juga melibatkan sektor perkilangan, perkhidmatan dan agro makanan. Setiap nexus mempunyai inisiatif berkaitan pembangunan modal insan yang memberi faedah tidak langsung kepada sektor ekonomi. Inisiatif ini bertujuan mengatasi cabaran utama berkaitan modal insan yang menjejaskan pertumbuhan produktiviti di peringkat nasional, sektoral dan enterpris. Antaranya ialah kekurangan bakat tempatan bagi menjayakan pertumbuhan produktiviti. Sektor ekonomi juga sangat bergantung kepada tenaga kerja bergaji rendah dan berkemahiran rendah, yang kebanyakannya terdiri dari pekerja asing.

17. Antara inisiatif yang dijalankan oleh Nexus Produktiviti ialah menjalankan kajian, latihan, penambahbaikan peraturan, dan penyusunan semula struktur industri dengan mengenalpasti profil pekerjaan semasa dan masa akan datang dalam sektor ekonomi pekerja. Secara tidak langsung ia membantu kebolehpayaan dan kebolehpasaran tenaga kerja tempatan dan mengelak daripada berlakunya '*skills atrophy*' tenaga kerja dalam pasaran. Di samping itu, kadar pengangguran dapat dikurangkan.

18. MPC juga menggalakkan pihak syarikat mengamalkan Sistem Upah Berhubung Kait Dengan Produktiviti atau *Productivity-Linked Wage System* (PLWS) yang merupakan satu sistem upah yang dikaitkan dengan produktiviti dan prestasi pekerja dan syarikat. Sistem ini dapat menggalakkan pekerja bermotivasi serta meningkatkan tahap produktiviti dan keuntungan syarikat. Di samping itu, sistem ini juga secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan pampasan pekerja.

19. GRP merupakan inisiatif yang secara tidak langsung bertujuan memastikan bahawa semua peraturan yang dikeluarkan oleh pengawal selia peraturan adalah peraturan yang berkualiti dan dilaksanakan dengan efektif dan telus. GRP juga bertujuan untuk memudahkan peniaga dan profesional untuk menjalankan perniagaan dan perkhidmatan mereka dengan cara yang betul dan telus serta tidak memberi batasan kepada mereka untuk melakukan inovasi ke atas perniagaan dan perkhidmatan yang mereka lakukan. Walau bagaimanapun sekiranya inisiatif GRP ini tidak ditekankan dalam penyampaian peraturan oleh pihak pengawal selia peraturan, maka peraturan tersebut boleh menjadi tidak wajar dan akan memberi beban kepada para peniaga dan profesional. Peraturan yang tidak wajar juga akan menyekat peniaga dan profesional untuk menjadi kreatif dan inovatif dan ini akan menyebabkan kemahiran mereka akan menurun atau tidak dapat digunakan sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.